



جَابِتُ مُفْتِي نَكْرِي مَلَاك

اراس 2، عماره A، كومپلكس مجلس اعام اسلام ملاك، جانن بوكيت فاله، 75150 ملاك
Tel. : 06-2848182 (Mufti) 06-2847920/7921 (Am) ~ Fax : 06-2848144



دورسيچيلكن كود MS ISO 9001:2000
نومبر ليدنن : AR 4061

JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA . Aras 2, Ijarah A, Kompleks MAIM Melaka, Jalan Bukit Palah, 75150 Melaka • E-mail: jkmmufti@tm.net.my • Web: www.al-azim.com/jmm

PERLUASAN BILANGAN JEMAAH BAGI SOLAT JUMAAT DAN KEBENARAN MELAKSANAKAN SOLAT FARDHU DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19

PEKELILING JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA BIL. 11/2020

Selaras dengan pengumuman YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020, pelbagai aspek aktiviti harian telah diberikan kelonggaran. Walau bagaimanapun, Pemerkasaan Tanggungjawab Komuniti tetap ditekankan dimana masyarakat awam akan mengambil tanggungjawab secara serius untuk mengamalkan kebiasaan baharu kehidupan dan mematuhi semua SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Sehubungan dengan ini, merujuk kepada keputusan Muzakarah Khas MKI Kali ke-6 pada 9 Jun 2020 melalui Sidang Video dan dipersetujui juga di dalam Mesyuarat Majlis Islam Melaka Bil 2/2020 pada 9 Jun 2020, telah bersetuju dengan ketetapan seperti berikut :

a) Penentuan Masjid dan Surau

Pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau dalam tempoh PKPP seluruh negeri Melaka dibenarkan kecuali kawasan yang diisytiharkan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Para jemaah diminta berwuduk dari rumah, membawa sejadah sendiri dan memakai topeng muka untuk hadir ke masjid/surau.

b) Bilangan Jemaah

Kehadiran jemaah adalah berdasarkan kepada kapasiti yang boleh ditampung oleh masjid/surau dengan kedudukan antara saf dan jemaah berdasarkan penjarakan sosial (anggaran jemaah, kurang daripada 40% daripada kapasiti asal

masjid). Bagi masjid-masjid besar, had maksimum jemaah yang dibenarkan adalah seramai 250 orang sahaja. Kadar ini juga tertakluk kepada kemampuan pihak pengurusan masjid melaksanakan SOP keselamatan dan kesihatan. Kebenaran ini bermula di negeri Melaka pada **12 Jun 2020 bersamaan 20 Syawal 1441**.

c) Kebenaran Solat Jumaat di Surau Terpilih

Beberapa surau akan diberikan kebenaran khas untuk mendirikan Solat Jumaat sepanjang tempoh PKPP dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Melaka berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka. Walau bagaimanapun, selepas PKPP berakhir kebenaran ini akan dikaji dan disemak semula.

d) Aktiviti Keagamaan Dan Kemasyarakatan Di Masjid Dan Surau

Sebarang bentuk aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau boleh dilaksanakan kecuali aktiviti yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang seperti kenduri, gotong royong dan seumpamanya. Namun begitu, ianya tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri Melaka.

i. Majlis Ilmu

- Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan Kelas Takmir dibenarkan dengan jemaah mematuhi penjarakan sosial.
- Kuliah Maghrib hendaklah ditamatkan sebaik sahaja masuk waktu 'Isyak
- Kuliah Subuh dilaksanakan selama 20 - 30 minit sahaja.
- Ceramah umum yang melibatkan penceramah jemputan luar tidak dibenarkan.

ii. **Majlis Akad Nikah**

- Majlis akad nikah dibenarkan untuk diadakan di masjid atau surau dengan mematuhi penjarakan sosial.

iii. **Ruang Solat Musafir**

- Ruang solat yang khusus ditetapkan di masjid atau surau untuk mereka yang musafir serta pemandu perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran.

Jabatan Agama Islam Melaka akan memperhalusi SOP pelaksanaan bagi perkara-perkara yang telah diputuskan melalui pekeliling Jabatan semasa.

Jabatan Mufti Negeri Melaka akan memberikan maklumat lanjut kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka dari semasa ke semasa berdasarkan nasihat dan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum.*

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM BIN TAWIL)

Mufti Kerajaan Negeri

Melaka

11 Jun 2020 bersamaan 19 Syawal 1441H